

**D.R. 19/93**

**Naskah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perhutanan Negara  
1984.

[ ]

**BAHAWASANYA** adalah bermanfaat bagi maksud hanya untuk menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri-Negeri di Malaysia untuk membuat undang-undang mengenai pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan:

**OLEH YANG DEMIKIAN**, menurut Fasal (1)(b) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, **MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993.

Tajuk  
ringkas  
dan ula  
berkuatkuasa.

(2) Akta ini tidaklah boleh berkuatkuasa dalam sesuatu Negeri melainkan ia telah diterima-pakai oleh suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri menurut Fasal (3) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan.

(3) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada suatu tarikh sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am  
dalam teks  
bahasa  
kebangsaan  
Akta 313.

2. Teks bahasa kebangsaan Akta Perhutanan Negara 1984, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "tahi kelawar", "mandu lilin" dan "kayu balak" dalam takrif "hasil hutan" masing-masingnya dengan perkataan "guano", "madu dan lilin" dan "kayu";
- (b) dengan memotong perkataan "atau" yang terdapat di baris 2 dalam takrif "kayu ditukar bentuk";
- (c) dengan memotong perkataan "tidak" yang terdapat di baris 3 dalam takrif "kayu jaras";
- (d) dengan menggantikan perkataan "surat" dalam takrif "tanda" dengan perkataan "huruf";
- (e) dengan menggantikan perkataan "keadah" dalam takrif "tukar bentuk" dengan perkataan "kaedah";
- (f) dengan menggantikan perkataan "Pengarah Hutan Negeri", "Timbalan Pengarah Hutan Negeri", "Penolong Pengarah Hutan Negeri", "Ketua Pengarah Jabatan Hutan Persekutuan", "Jabatan Hutan Negeri" dan "Pejabat Hutan Negeri" di mana-mana jua terdapat di dalamnya masing-masingnya dengan perkataan "Pengarah Perhutanan Negeri", "Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri", "Penolong Pengarah Perhutanan Negeri", "Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Persekutuan", "Jabatan Perhutanan Negeri" dan "Pejabat Perhutanan Negeri";
- (g) dengan menggantikan perkataan "HASIL HUTAN UTAMA", "hasil hutan utama",

"hutan hasil utama", "HASIL HUTAN KECIL" dan "hasil hutan kecil" di mana-mana jua terdapat di dalamnya masing-masingnya dengan perkataan "HASIL UTAMA HUTAN", "hasil utama hutan", "hasil utama hutan", "HASIL KECIL HUTAN" dan "hasil kecil hutan";

- (h) dalam subseksyen 62(2), dengan menggantikan perkataan "lain-lain maksud bukan komersial" dalam subperenggan (i) dengan perkataan "maksud-maksud bukan komersial yang lain" dan perkataan "tiada atau" dalam subperenggan (ii) dengan perkataan "atau tiada";
- (i) dengan menggantikan perkataan "tanpa" dalam nota birai seksyen 90 dengan perkataan "dengan"; dan
- (I) dengan menggantikan perkataan "dengan" dalam nota birai seksyen 91 dengan perkataan "tanpa".

3. (1) Segala sebutan mengenai Pengarah Hutan Negeri, Timbalan Pengarah Hutan Negeri, Penolong Pengarah Hutan Negeri, Ketua Pengarah Jabatan Hutan Persekutuan, Jabatan Hutan Negeri dan Pejabat Hutan Negeri di dalam mana-mana undang-undang bertulis atau di dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan pengusahaan yang wujud sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, ditafsirkan seolah-olah segala sebutan itu ialah masing-masingnya sebutan mengenai Pengarah Perhutanan Negeri, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri, Penolong Pengarah Perhutanan Negeri, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Persekutuan, Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Perhutanan Negeri.

Pertukaran  
nama dalam  
bahasa  
kebangsaan

(2) Pertukaran nama yang disebut terdahulu dalam bahasa kebangsaan tidaklah menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi

Pengarah Hutan Negeri, Timbalan Pengarah Hutan Negeri, Penolong Pengarah Hutan Negeri, Ketua Pengarah Jabatan Hutan Persekutuan, Jabatan Hutan Negeri dan Pejabat Hutan Negeri, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap mereka; dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap mereka sebelum Akta ini mula berkuatkuasa boleh diteruskan atau dimulakan di bawah nama baru mereka.

(3) Segala tanggungan sedia ada yang ditanggung oleh atau bagi pihak atau bagi maksud-maksud Pengarah Hutan Negeri, Timbalan Pengarah Hutan Negeri, Penolong Pengarah Hutan Negeri, Ketua Pengarah Jabatan Hutan Persekutuan, Jabatan Hutan Negeri dan Pejabat Hutan Negeri, boleh dikuatkuasakan masing-masingnya terhadap Pengarah Perhutanan Negeri, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri, Penolong Pengarah Perhutanan Negeri, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Persekutuan, Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Perhutanan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pindaan  
seksyen 2.

4. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “alat pengangkutan” takrif baru yang berikut:

“anggota angkatan tentera” ertinya seseorang anggota angkatan tentera yang berpangkat tidak rendah daripada Lans Koperal;’;

(b) dengan memasukkan selepas takrif “kayu jaras” takrif baru yang berikut:

’ “kesalahan hutan” ertinya suatu kesalahan di bawah Akta ini;’;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “pegawai hutan” takrif baru yang berikut:

’ “pegawai polis” ertinya seseorang anggota Polis Diraja Malaysia;’; dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif “Pengaruh” takrif baru yang berikut:

“pengkhidmat” ertinya mana-mana orang sama ada dia seorang warganegara Malaysia atau bukan yang diambil kerja bagi upah;’.

5. Subseksyen 3(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dan" dengan koma dan memasukkan selepas perkataan “Daerah” yang terakhir terdapat di dalamnya perkataan "dan pegawai-pegawai lain sebagaimana perlu”. Pindaan seksyen 3.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen 5 baru yang berikut: Penggantian seksyen 5.

“Perwakilan <sup>kuasa oleh Pengarah.</sup> 5, (1) Pengarah boleh, mewakili secara bertulis, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana dinyatakan dalam suratcara perwakilan itu, perjalanan dan pelaksanaan—

- (a) apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberi atau dipertanggungkan ke atasnya di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah; dan
- (b) apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberi atau dipertanggungkan ke atasnya di bawah seksyen 88, 89, 90, 91, 92 atau 93 kepada mana-mana anggota angkatan tentera:

Dengan syarat bahawa sesuatu perwakilan kepada mana-mana anggota angkatan tentera di bawah seksyen 88 tidaklah termasuk kuasa menyiasat.

(2) Mana-mana perwakilan di bawah seksyen ini mengenai apa-apa kuasa atau kewajipan tidaklah menghalang seseorang

Pengaruh daripada menjalankan kuasa atau melaksanakan kewajipan itu sendiri jika dia mendapati adalah bermanfaat berbuat demikian.”.

Pindaan  
seksyen 12.

7. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "air" perkataan “, kepelbagaian hayat”.

Pindaan  
seksyen 15.

8. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "lima ratus ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen (3) baru yang berikut:

"(3) Mana-mana orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan ke atas sabitan itu, diperintahkan membayar, berkenaan dengan apa-apa hasil hutan yang diambil secara menyalahi undang-undang, kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda royalti, premium dan ses;
- (b) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai hasil hutan itu; dan
- (c) apa-apa caj-caj lain yang kena dibayar,

dan apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar itu boleh didapatkan kembali seolah-olah ianya suatu denda yang dikenakan sedemikian.”.

9. Subseksyen 25(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima", "dua" dan "tiga ratus" masing-masingnya dengan perkataan "lima puluh", "lima" dan "satu ribu". Pindaan seksyen 25.

10. Subseksyen 32(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima" dan "dua" masing-masingnya dengan perkataan "lima puluh" dan "lima". Pindaan seksyen 32.

11. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 40.

(a) dengan menggantikan perkataan "satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "lima ratus ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen baru (2A) yang berikut:

“(2A) Mana-mana orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan ke atas sabitan itu, diperintahkan membayar, berkenaan dengan apa-apa hasil hutan yang diambil secara menyalahi undang-undang, kepada Pihak Berkuasa Negeri—

(a) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda royalti, premium dances;

(b) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai hasil hutan itu; dan

(c) apa-apa caj-caj lain yang kena dibayar,

dan apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar itu boleh didapatkan kembali seolah-olah ianya suatu denda yang dikenakan sedemikian.”.

- Pindaan seksyen 47. **12.** Subseksyen 47(4) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima ratus" dan "bulan" masing-masingnya dengan perkataan "sepuluh ribu" dan "tahun".
- Pindaan seksyen 50. **13.** Subseksyen 50(4) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "dua ratus lima puluh" dengan perkataan "sepuluh ribu".
- Pindaan seksyen 66 dan 67. **14.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "lima" dan "dua" yang terdapat dalam subseksyen 66(4) dan 67(2) masing-masingnya dengan perkataan "lima puluh" dan "lima".
- Pindaan seksyen 68. **15.** Seksyen 68 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) dan (2) baru yang berikut:
    - “(1) Tiada seorang pun boleh ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya apa-apa hasil hutan melainkan jika dia memiliki suatu pas bagi pemindahan hasil hutan itu.
    - (2) Pas pemindah itu hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh mana-mana pegawai hutan.”;
  - (b) dengan menomborkan semula subseksyen (2) yang sedia ada sebagai subseksyen (3); dan
  - (c) dengan menggantikan subseksyen (3) yang sedia ada dengan subseksyen baru (4) yang berikut:
    - “(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan—
    - (a) jika kesalahan itu di bawah subseksyen (1), denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu;



(b) jika kesalahan itu di bawah subseksyen (2), denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”.

**16. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 69 dengan seksyen 69 bam yang berikut:** Penggantian seksyen 69.

Operator  
loji  
penukaran  
dikehen-  
loji penukaran  
punyai  
pas  
mengetah  
dan rekod  
ukuran.

69. (1) Tiada seorang pun boleh terlibat dalam menukar mana-mana hasil hutan atau ada dalam kawalannya atau jagaannya sesuatu loji penukaran melainkan jika dia memiliki suatu pas pemindah dan suatu rekod ukuran mengenai semua hasil hutan yang telah ditukar atau sedang ditukar atau hampir ditukar atau berada di dalam atau sekitar loji penukaran atau premis lain di bawah jagaannya atau kawalannya.

(2) Pas pemindah itu hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh mana-mana pegawai hutan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan—

(a) jika kesalahan itu di bawah subseksyen (1), denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu;

(b) jika kesalahan itu di bawah subseksyen (2), denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”.

Pindaan  
seksyen 81.

17. Seksyen 81 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “atau (c)” dan menggantikan perkataan “dua ratus” dengan perkataan “sepuluh ribu” dalam perenggan (2)(a);
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “perenggan (b)” perkataan “atau (c)”, menggantikan perkataan “dua” dan “satu” masing-masingnya dengan perkataan “lima puluh” dan “lima” dan memasukkan selepas noktah berkoma perkataan “dan” dalam perenggan (2)(b);
- (c) dengan menggantikan perenggan (2)(c) dengan perenggan (2)(c) baru yang berikut:
  - “(c) jika kesalahan itu di bawah perenggan (d), (e), (f) atau (g), denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”;
- (d) dengan memotong perenggan (2)(d) dan
- (e) dengan memasukkan sebelum perkataan “nilai” dalam perenggan (3)(a) perkataan “sepuluh kali ganda”.

Pindaan am.

18. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “dua” dan “satu” yang terdapat dalam subseksyen 82(2), 84(1), 96(2), 97(2) dan 98(2), seksyen 87, 100 dan 107 masing-masingnya dengan perkataan “lima puluh” dan “lima”.

Pindaan  
seksyen 83.

19. Subseksyen 83(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “satu” dan “enam bulan” masing-masingnya dengan perkataan “sepuluh” dan “tiga tahun”.

Pindaan  
seksyen 85.

20. Subseksyen 85(2) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ratus” dan “tiga bulan” masing-masingnya dengan perkataan “lima puluh ribu” dan “lima tahun”.

21. Seksyen 86 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu” dengan perkataan “ratus ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun”. Pindaan seksyen 86

22. Subseksyen 92(3) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "satu" dan “enam bulan” masing-masingnya dengan perkataan "lima puluh" dan "lima tahun". Pindaan seksyen 92.

23. Seksyen 93 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut: Pindaan seksyen 93.

"(2) Mana-mana orang (selain daripada pegawai hutan, pegawai polis atau anggota angkatan tentera yang diberikuasa di bawah Akta ini) yang mengusik, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang ditanda di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”.

24. Seksyen 94 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 94.

(a) dengan menggantikan perkataan "Yang Dipertua" di mana-mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan “Majistret atau Hakim”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (6) subseksyen baru (7) yang berikut:

"(7) Pihak Berkuasa Negeri tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa pemerosotan nilai, tidak kira walau bagaimana sekalipun ia terjadi, mengenai kualiti apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini.”.

Seksyen baru  
100A dan  
100

25. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 100 seksyen baru 100A dan 100 yang berikut:

"Hadiah. 100A. Pengarah boleh memerintahkan supaya apa-apa hadiah sebagaimana yang disifatkannya **patut** dibayar kepada mana-mana pegawai hutan atau orang lain bagi perkhidmatan yang diberi berhubung dengan apa-apa kesalahan atau penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini.

Perlin-  
dungan  
informer. 100 (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada **ini**, tiada saksidalam mana-mana **prosiding** sivil atau **jenayah** berkewajipan atau dibenarkan mendedah nama atau alamat informer atau isi dan jenis maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang mungkin **membawa** dirinya diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau surat-surat yang di bawah keterangan atau yang boleh diperiksa, dalam mana-mana **prosiding** sivil atau **jenayah**, mengandungi apa-apa pencatatan yang **menamakan** atau memperihalkan informer atau yang mungkin membawa kepada dirinya diketahui, **mahkamah hendaklah** menyebabkan semua petikan tersebut disembunyikan daripada pandangan atau **dipadamkan** setakat mana ianya perlu untuk melindungi informer daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan mana-mana kesalahan terhadap Akta ini mahkamah selepas siasatan penuh atas kes itu mempercayai bahawa informer itu dengan sengaja membuat dalam pengaduannya suatu **pernyataan** material yang **diketahuinya** atau dipercayainya sebagai **palsu** atau tidak mempercayai sebagai benar, atau jika dalam mana-mana **prosiding** lain mahkamah adalah berpendapat bahawa

keadilan tidak boleh dijalankan sepenuhnya antara pihak-pihak terhadap prosiding itu tanpa identiti informer diketahui, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki supaya aduan asal jika bertulis dikemukakan, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penedahan sepenuhnya mengenai informer itu.”.

26. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 101 dengan seksyen 101 baru yang berikut: Penggantian seksyen 101.

“**Heng-**  
**kompaunan**  
**kesalahan.** 101. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pengarah boleh mengkompaunkan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini kecuali apa-apa kesalahan di bawah seksyen 86 atau 107 dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengarah suatu **amaun** yang tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaunkan di bawah subseksyen (1) hendaklah berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan bagi kali pertama sahaja.

(3) Jika kesalahan yang dilakukan melibatkan pengambilan hasil hutan di bawah seksyen 15 atau 40, Pengarah boleh, jika difikirkannya patut, sebagai tambahan kepada amaun yang kena dibayar di bawah subseksyen (1), menghendaki orang itu membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda royalti, premium dan ses hasil hutan itu;
- (b) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai hasil hutan itu;
- (c) kos memperbaiki apa-apa kerosakan berkenaan dengan kesalahan yang telah dilakukan; dan

- (b) bahawa apa-apa peta, pelan atau carta yang dikatakan berupa sebagai peta, pelan atau carta yang telah dibuat menurut kuasa Pengarah telah dibuat sedemikian dan adalah tepat;
- (c) bahawa apa-apa tanda yang diletakkan pada mana-mana pokok, kayu atau tanda sempadan sesuatu kawasan di bawah suatu lesen atau permit dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan yang diletakkan oleh atau menurut kuasa pegawai hutan telah diletakkan sedemikian dan adalah tepat;
- (d) bahawa mana-mana orang yang didapati berada di dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan yang ada dalam milikannya apa-apa hasil hutan telah mengambil atau mengalih hasil hutan itu tanpa suatu lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini; dan
- (e) bahawa mana-mana orang yang didapati berada di dalam kawasan hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan yang memiliki apa-apa jentera, peralatan atau alat pengangkutan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keenam bertujuan mengambil atau memindahkan apa-apa hasil hutan.”.

Pindaan  
seksyen 106.

29. Seksyen 106 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “polis” dalam nota birai perkataan “, anggota angkatan tentera”;
- (b) dengan menggantikan perkataan "atau" di baris 3 dengan koma dan memasukkan selepas perkataan "polis" di baris 4 perkataan "atau anggota angkatan tentera"; dan

- (c) di baris 15, dengan menggantikan perkataan "atau" dengan koma dan memasukkan selepas perkataan "polis" perkataan "atau anggota angkatan tentera".

**30.** Seksyen 109 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "melainkan jika dia membuktikan bahawa kesaiahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia mengambil pengawasan yang munasabah untuk mencegah berlakunya kesalahan sedemikian". Pindaan seksyen 109.

**31.** Seksyen 110 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "melainkan jika dia membuktikan bahawa dia mengambil pengawasan yang munasabah untuk mencegah berlakunya perkara sedemikian". Pindaan seksyen 110.

**32.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 110 seksyen baru 110A yang berikut: Seksyen baru 110A.

"Kesalahan 110A. Jika apa-apa kesalahan hutan dilakukan yang oleh mana-mana orang berhubung dengan atau perit yang dikeluarkan oleh apa-apa lesen atau perit yang dikeluarkan di bawah Akta ini, pemegang lesen atau perit pemegang perit itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu."

**33.** Jadual Pertama Akta ibu adalah dipinda— Pindaan

- (a) dengan menggantikan perkataan "lima", "dua" dan "tiga ratus" dalam Borang 2 masing-masingnya dengan perkataan "lima puluh", "lima" dan "satu ribu"; dan Jadual Pertama.
- (b) dengan memasukkan di bawah perkataan "Tarikh....." dalam Borang 8 perkataan "Masa.....".

**34.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Rotan dari jenis manau dan sega" dalam perenggan (e) Jadual Kedua dan perenggan (f) Jadual Ketiga dengan perkataan "Semua jenis rotan". Pindaan Jadual Kedua dan Ketiga.

Jadual baru  
Keenam.

35. Akta ibu **adalah** dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kelima Jadual baru **Keenam** yang berikut:

“  
JADUAL KEENAM  
(Seksyen 4(e))

BAHAGIAN A - JENTERA

- (a) Penggred
- (b) Penyangga
- (c) Jentolak
- (d) Traktor
- (e) **Penarik berwin**

BAHAGIAN B - PERALATAN

- (a) Tali dawai
- (b) Parang
- (c) Kapak
- (d) Tangki bahan api atau minyak
- (e) Tong minyak
- (f) Pita pengukur
- (g) Gergaji berantai
- (h) Gergaji berkuasa
- (i) Gergaji bergerak
- (j) Gergaji tangan
- (k) Penyepit balak
- (l) Cangkuk balak
- (m) Baji

BAHAGIAN C - ALAT PENGANGKUTAN

1. DARAT

- (a) Lori balak
- (b) Lori berwin
- (c) Lokomotif



2. UDARA
  - (a) Pesawat udara
  - (b) **Belon**
3. AIR
  - (a) Bot
  - (b) Baj
  - (c) Tongkang
  - (d) Sampan
  - (e) Pontun

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perhutanan Negara 1984.

2. *Fasal 2* bertujuan membetulkan kesilapan **terjemahan** yang terdapat **dalam** teks bahasa kebangsaan. Ia termasuk menggantikan perkataan "Hutan" dengan perkataan "Perhutanan" berkenaan dengan nama jawatan **pegawai** dan jabatan itu.
3. *Fasal 3* mengandungi **peruntukan berbangkit** daripada pertukaran nama jawatan dan jabatan dalam bahasa kebangsaan sebagaimana yang dinyatakan dalam *fasal 2*.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 2 dengan memasukkan **takrif baru** bagi maksud penjelasan.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen 3(2) supaya sejajar dengan peruntukan subseksyen 3(1).
6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 5. Dengan maksud menguatkuasakan Akta ini dengan **lebih berkesan lagi**, *fasal* ini bertujuan **untuk membolehkan** Pengarah mewakili perjalanan atau **pelaksanaan** apa-apa **kuasa** atau kewajipan yang **diberi** atau dipertanggungjawabkan ke atasnya di bawah seksyen 88, 89, 90, 91, 92 atau 93 kepada **mana-mana** anggota angkatan tentera. **Walau** bagaimanapun, apa-apa perwakilan di bawah seksyen 88 tidaklah termasuk kuasa menyiasat dan **semua** perwakilan itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana ditetapkan dalam suratcara perwakilan itu.
7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 12 untuk memperuntukkan bahawa apabila menggantikan mana-mana kawasan tanah yang **telah** dikeluarkan daripada hutan simpanan **kek**al, kepelbagaian hayat hendaklah diambil kira.

8. *Fasal 8, 11 dan 27* bertujuan menambahkan penalti masing-masing di bawah seksyen 15, 40 dan 86. Sebagai tambahan kepada menaikkan denda daripada tidak melebihi sepuluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, seksyen tersebut juga menetapkan pengenaan penjara mandatori selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun atas sabitan. *Fasal 8 dan 11* juga bertujuan masing-masingnya menggantikan subseksyen (3) dan memasukkan subseksyen (2A) untuk memperuntukkan bahawa seseorang boleh, apabila disabitkan, diarah membuat bayaran tertentu sebagaimana dinyatakan di dalamnya kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan.

9. *Fasal 9 dan 10* bertujuan meminda seksyen 25 dan 32. Pindaan ini bertujuan menambah penalti di bawah seksyen itu.

10. *Fasal 12, 13 dan 14* bertujuan meminda seksyen 47, 50, 66 dan 67. Pindaan ini bertujuan menambah penalti di bawah seksyen itu.

11. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 68 untuk menghendaki seseorang ada dalam milikannya suatu pas pemindah jika dia ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya apa-apa hasil hutan dan untuk menentukan bahawa pas itu tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai hutan. *Fasal* ini juga menetapkan penalti bagi pelanggaran kehendak itu.

12. *asal 16* bertujuan menggantikan seksyen 69 untuk menghendaki operator loji penukaran ada dalam milikannya suatu pas pemindah dan suatu rekod ukuran. Serupa dengan *fasal 15*, *fasal* ini juga menyatakan kehendak di atas keperluan menyediakan pas pemindah itu untuk pemeriksaan di samping menetapkan penalti bagi pelanggarannya.

13. *Fasal 17, 18, 19 dan 20* bertujuan meminda seksyen 81, 82, 83, 84, 85, 87, 96, 97, 98, 100 dan 107. Pindaan ini bertujuan menambah penalti di bawah seksyen itu.

14. *Fasal 22 dan 23* bertujuan meminda seksyen 92 dan 93. Pindaan ini bertujuan menambah penalti di bawah seksyen itu.

15. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 94 untuk memberi kuasa kepada kedua-dua Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret untuk menjalankan prosiding di bawah seksyen itu dengan maksud memudahkan prosiding itu. *Fasal* ini juga menyatakan dengan khusus bahawa Pihak Berkuasa Negeri tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa pemerosotan nilai apa-apa benda yang disita di bawah Akta ini.

16. *Fasal 25* bertujuan memasukkan seksyen baru 100A dan 100B. Seksyen baru 100A memberi kuasa kepada Pengarah memberi hadiah sementara seksyen baru 100B mengenai perlindungan informer.

17. *Fasal 26* bertujuan menggantikan seksyen 101 mengenai pengkompaunan kesalahan. Kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 86 dan 107, Pengarah diberi kuasa mengkompaunkan apa-apa kesalahan lain bagi suatu amaun tidak melebihi denda maksimum bagi kesalahan itu. Kuasa mengkompaun itu hendaklah berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang dilakukan bagi kali pertama sahaja. Dalam kes di mana kesalahan dilakukan di bawah seksyen 15 atau 40, Pengarah boleh, sebagai tambahan kepada jumlah yang dinyatakan dalam tawaran bertulis untuk mengkompaunkan suatu kesalahan, menghendaki pembayaran suatu jumlah wang tertentu kepada Pihak Berkuasa Negeri.
18. *Fasal 27* bertujuan memasukkan seksyen baru 101A untuk **memberi** kepada mahkamah kuasa untuk membatalkan sesuatu lesen atau permit dan menyebabkan seseorang hilang kelayakan untuk memegang sesuatu lesen atau permit selama tempoh tidak melebihi Hma tahun. **Ia** menyatakan keadaan di mana kuasa itu dijalankan.
19. *Fasal 28* bertujuan menggantikan seksyen 104 mengenai anggapan.
20. *Fasal 29* bertujuan meminda seksyen 106 untuk memanjangkan perlindungan terhadap apa-apa prosiding mahkamah yang diberikan kepada **mana-mana** pegawai hutan atau pegawai polis, kepada mana-mana anggota angkatan tentera.
21. *Fasal 30* dan *31* bertujuan meminda seksyen 109 dan 110 untuk menjadikannya **peruntukan** liabiliti ketat.
22. *Fasal 32* bertujuan memasukkan seksyen baru 110A untuk memperuntukkan bahawa jika apa-apa kesalahan hutan itu dilakukan oleh mana-mana orang berkaitan apa-apa lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini, pemegang lesen atau permit itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu. Ini juga adalah suatu peruntukan liabiliti ketat.
23. *Fasal 33* bertujuan meminda Jadual Pertama dengan meminda Borang 2 yang berbangkit daripada **asa** 9 dan memasukkan butiran tambahan di dalam Borang 8.
24. *Fasal 34* bertujuan meminda Jadual Kedua dan Ketiga untuk merangkumi semua jenis rotan sebagai hasil utama hutan.
25. *Fasal 35* bertujuan memasukan Jadual baru Keenam yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 104.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1745.]